

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

SOAL JAWAB ATAS 17 MASALAH YANG MENGENAI PEREMPUAN DI DEWAN-DEWAN

Di bawah ini-sebagai sambungan Qalam bilangan yang lalu-disiarkan soal dan jawab atas perkara-perkara yang mengenai kedudukan perempuan di dewan-dewan mesyuarat dan di pentas yang disalin daripada risalah Kiyai Hasan bin Ahmad yang diterbitkannya pada tahun 1941 dahulu. Perhatihlah dengan tenang dan saksama kemudian menung dan fikirkan alasan-alasannya supaya dapat kita menghukumkan di mana kedudukannya.

(oleh Hassan bin Ahmad)

Pertanyaan yang pertama: Ada faedah ulama-ulama—"apa yang menarik kepada haram hukumnya haram pula".

Kalau kedudukan perempuan-perempuan di dewan-dewan dipandang haram dengan membawa kepada berpandang-pandangan yang diharamkan. Maka pergi ke pasar, ke masjid, ke tabligh mengerjakan Haji dan yang seumpamanya itu mestilah haram juga keraa di tempat-tempatnya itu akan terjadi juga pandang memandang.

Jawapan: Kaedah ulama itu boleh dipakai di tempat-tempat yang tertentu dengan syarat-syaratnya. Satu perkara yang dengan mengerjakan itu kalau tentu kita akan bertemu dengan yang haram yang tak dapat dielakkan sedang perkara itu bukan suatu perkara yang sudah disentuhkan dan diizinkan bolehnya maka di similah berjalan faedah itu. Oleh itu kalau perempuan didudukkan di suatu dewan dan kita pandang pekerjaan itu menyerupai pekerjaan lelaki maka dapatkah dielokkan pandang memandang yang diharamkan dengan nas Al-Quran itu sedang pengecualiannya tidak ada? Lazimnya tidak boleh dielakkan! Kerana anggota-anggota dewan itu tidak akan berselubung oleh yang demikian nyata duduknya perempuan di dewan menarik kepada haram yang tak dapat dielakkan.

* * *

Pertanyaan yang Kedua: Duduknya perempuan-perempuan di dewan itu

ada baik dan ada faedah sedang mencari kebaikan itu diperintah oleh itu tidakkah boleh gugur larangan tersebut dengan sebab guna yang nyata ini?

Jawab: Menurut hadith yang sahih bahawa "apabila aku perintah kamu mengerjakan sesuatu, kerjakanlah sedapat kamu kerjakan, tetapi apabila aku tegah kamu atas sesuatu maka jauhilah dia." Hadith ini memberi erti bahawa sesuatu tegahan hendaklah dijauhi benar-benar tetapi perintah boleh dikerjakan sedapat-dapatnya dari sini rupanya ulama mengambil faedah: "Menolak mufasadah (kerosakkan-p) didahulukan daripada menarik faedah.

Berlihat-lihatan di antara lelaki dan perempuan itu mufasadah, kerana ditegah sedang kedudukan perempuan di dewan itu faedah, jadi mufasadah itu wajib ditolak terlebih dahulu daripada mengambil faedah sedang faedah itu boleh didapati dengan lain jalan, boleh dengan tulisan terus ke dewan-dewan itu, boleh dengan perantaraan akhbar-akhbar, dan boleh juga dengan lain-lain jalan, asakan sahaja dewan-dewan dan majlis-majlis itu mahu memerhati keperluan perempuan-perempuan.

Tuan-tuan yang memustahakkan hal perempuan-perempuan hingga meminta perempuan itu jadi ahli di dalam majlis-majlis itu ada baiknya berikhtiar supaya perempuan-perempuan menghadapkan syor-syor ke dalam dewan-dewan itu lalu mereka dibantu dengan sekuat-kuatnya kalau perlu dibantu. Dengan jalan ini apa tidakkah perempuan-perempuan itu

dalam hal-hal yang dirasa mereka teraniaya boleh ditolong?

* * *

Pertanyaan yang ketiga: Ada orang berkata – “tidak ada satu pun ayat atau hadith menegah perempuan duduk di dalam majlis-majlis itu.”

Jawab: Memang tidak ada tegahan dengan tegas sebagaimana tidak ada tegahan yang tepat tentang perempuan berjabat tangan, berdancing, berciuman-ciuman dan berpeluk-pelukan dengan lelaki asing.

Dengan apakah kita haramkan semuanya ini kalau tidak dengan ayat yang menegah lelaki dan perempuan berpandangan-pandangan itu?

* * *

Pertanyaan keempat: Ada orang berkata-penduduk sebuah negeri terdiri daripada lelaki dan perempuan bahkan peremuannya terkadang-kadang lebih banyak daripada lelaki. tiap-tiap golongan mempunyai kepentingan masing-masing kerana “tuan rumah lebih tahu keadaan isi rumahnya,” oleh yang demikian sememangnya patut perempuan duduk dalam dewan-dewan itu.

Jawab: Kalau melihat banyaknya perempuan sememangnya kerusi tiap-tiap dewan persidangan itu patut diperdua tetapi rupanya belum tiba zaman yang perempuan boleh disamakan. Oleh sebab perempuan-perempuan itu jadi ibu, saudara isteri anak, bagi lelaki, maka payah tergambar pada fikiran kita akan berlaku zalim kepada perempuan-perempuan dengan sengahaja. Tetapi kerana lupa atau lalai mengurus hal-hal yang dikatakan “tuan rumah lebih tahu hal isi rumahnya” maka cukup dan memberi azan bagi perempuan-perempuan mendatangkan syor-syor itu diizinkan dibela oleh anggota persidangan terutamanya anggota-anggota yang meminta dan bersetuju perempuan itu didudukkan disisinya.

Pertanyaan yang kelima: Ada orang berkata: “Yang duduk di majlis-majlis dan di dewan-dewan itu orang terpelajar, kerana itu tidaklah dikhawatir perempuan duduk di dalamnya.”

Jawab: Jawapan kita mengikut alasan agama dalam

agama tidak diterangkan sebab-sebabnya tegahan itu. Sebab-sebabnya hanya pengambilan dan fikiran kita. Kalau hendak diurus dengan fikiran maka tidak kurang orang-orang yang di dalam dewan-dewan yang tinggi mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang rendah-rendah. Dalam perkara “cabul” yang ditangkap – sebahagian besarnya – ya orang-orang besar dan terpelajar. Dalam convict-convict – tempat orang terpelajar – tidak sedikit terdapat tengkorak kanak-kanak yang dizahirkan di dalamnya.

Pertanyaan yang keenam: Ada orang berkata—“Allah telah berfirman: *Washa wir hum fi al amri* ertiinya bermesyuaratlah dengan mereka tentang segala urusan. Bagi lelaki dan perempuan digunakan kalimah (*hum*) atas jalan ta’lib yang dipakai kalimah lelaki dan dimaksudkan juga perempuan. Jadi maknanya, Allah perintah Nabi Muhammad bermesyuarat dengan perempuan dan lelaki.

Jawab: Asal kalimah *hum* itu bagi lelaki. tak boleh dikenakan juga bagi perempuan melaninkan jika ada keterangan, sedang keterangannya tidak ada sekiranya kita takdirkan makna ayat itu bahawa: “Bermesyuaratlah hai Muhammad dengan lelaki dan perempuan daripada umatmu, bermakna wajib Nabi (SAW) bermesyuaratlah dengan kedua-dua golongan itu dalam segala urusan, sedang Nabi tidak pernah mengajak perempuan berunding, terutama sekali tidak di hadapan lelaki lain.

Dengan ini apakah bermakna Nabi (SAW) tidak menyempurnakan perintah Allah? Ini mustahil! Dengan ini nyata bahawa perintah berunding ini hanya dengan lelaki tidak dengan perempuan.

Pertanyaan yang ketujuh: Pada tahun keenam Rasulullah bermimpi akan masuk Mekah, lalu ia bersama sahabat-sahabatnya berangkat untuk mengerjakan ibadat Hajj tetapi dihalangi oleh kaum Quraisy yang kemudian terjadi perdamaian Hudaibiyah; maka Rasulullah memerintahkan sahabat-sahabatnya menyembelih korban mereka dan bercukur. Sahabat-sahabatnya tidak mengikut

kerana bingung. Mengapa kita tidak masuk Mekah pada hal Rasulullah telah mimpi masuk Mekah sedang mimpi Rasulullah itu wahyu. Rasulullah balik ke khemahnya dan menyatakan kepada isterinya bernama Ummu Salmah; lalu Ummu Salmah memberi fikiran suapaya Rasulullah mengerjakan sendiri apa yang diperintah itu. Lalu Rasulullah mengerjakannya dan sahabat-sahabat pun mengikutnya.

Sesudah Rasulullah memberitahu kepada sahabat-sahabatnya bahawa dalam mimpinya itu tidak diterangkan kaum muslimin akan masuk Mekah pada tahun ini. Benar! Pada tahun hadapannya kaum Muslimin masuk Mekah dengan selamat! Ini bermakna Rasulullah mengajak perempuan berunding.

Jawab: Di dalam riwayat itu tidak diterangkan Rasulullah “meminta fikiran” Ummu Salmah, hanya Rasulullah memberitahu sahaja sebagaiman seorang suami memberitahu kepada isterinya sesuatu hal yang merunsingkan hati, dan isterinya pun menyatakan fikirannya. Jadi kalimah “meminta fikiran” tambahan orang sahaja. Sekalipun kita tamsilkan Rasulullah mengajak mesyuarat dan meminta fikiran isterinya di dalam kejadian yang tersebut tetapi tidak ada keterangan bahawa Rasulullah mengajak isterinya berunding di hadapan lelaki lain.

Seorang suami berunding dan minta fikiran isterinya memang tidak ditegah. Kalau enggota-anggota dari dewan-dewan hendak berunding dengan isteri masing-masing tentang keperluan perempuan, lalu mereka majukan ke persidangan dewan-dewan ini sudah tentu tidak ada sesiapa yang mengharamkan atau menegah mengapa tidak dilakukan cara ini oleh tuan-tuan yang mengutamakan dengan kerana Allah, urusan-urusan perempuan?

Pertanyaan yang kedelapan: Rasulullah kerap kali bermesyuarat dengan Zainab, saudara Hussin pada tentang urusan rumah tangga, pada satu ketika ada urusan, sedang zainab tiada ada, maka Rasulullah berkata: “tunggu dahulu sampai Zainab datang”.

Ini bermakna Rasulullah bermesyuarat dengan perempuan. Jawab: Rasulullah bermesyuarat dengan cucu perempuan tentang urusan rumah tangga itu, tidak dijadikan

masalah dan tidak jadi alasan bagi membolehkan kita mengajak perempuan berunding dengan lelaki di dalam sesuatu majlis.

Pertanyaan yang kesembilan: Tersebut di dalam tawarikh bahawa Umar mengadakan khutbah di hadapan orang ramai: Di sana ia mendatangkan suatu syor: “Janganlah perempuan memahalkan mas kahwinnya. “Maka seorang bangkit lalu berkata: “Itupun bukan hakmu ya Umar! Tuhan telah izinkan mahar (mas kahwin) sepikul emas. “Jawab Umar: Benar perempuan dan Umar salah. “ Ini menunjukkan perempuan boleh duduk di dewan-dewan.

Jawab: Tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa tempat Umar berkata itu di dalam suatu majlis rundingan, dan lagi Umar tidak mendatangkan syor, hanya Umar memerintah. Kerana itu perempuan tersebut berkata: “.....bukan hakmu.”

Sekiranya perkataan Umar itu suatu syor sebagaimana syor-syor yang dihadapkan di dalam persidangan atau dewan-dewan nescaya jawabnya tidak demikian tentu disambut dengan menunjukkan firman Allah yang membolehkan mahar walau sepikul emas. Di dalam riwayat itu tidak diterangkan dari mana perempuan itu bercakap dan bagaimana keadaan pakaian pada masa itu, kerana menurut riwayat ada juga perempuan yang memakai bargin’ (burka) waktu menghadiri majlis lelaki terutama jika kita memikirkan kekerasan Umar tentang urusan perempuan. Oleh itu nyata bahawa riwayat Umar tersebut tak dapat dijadikan dalil. Bagi memulihkan perempuan duduk di dewan-dewan.

Pertanyaan yang ke sepuluh: Ada ulama berkata-duduknya perempuan-perempuan di dewan-dewan itu tidak haram asakan ada lelaki lebih dari seorang kerana ada hadith Nabi riwayat Muslim yang ertiya: “Janganlah seorang lelaki berkhalwat dengan seorang perempuan kecuali jika ada sertanya seorang lelaki yang lain atau dua orang.”

Jadi kalau perempuan berkumpul dengan lelaki

lebih dari dua orang tidak ditegah, sebagaimana dalam dewan-dewan hanya yang ditegah itu satu sama satudalam bilik.

Jawab: Perkataan ulama yang berdalil dengan hadith itu boleh juga dijadikan alasan bagi tidak membolehkan lelaki dan perempuan berkhalwat sekalipun di luar dewan kerana lafaz hadith tentang berkhalwat itu umum. Berkhalwat itu bermakna bersing bersendirian mahu pun di dalam bilik atau di luar bilik. Tidak ada sama sekali alasan bagi mentaksikan (menentukan -p) ertinya khalwat itu “dalam bilik” tidak daripada bahasa dan tidak dari syarak.

Adapun hadith Muslim itu kalau kita baca sekerat sememangnya kelihatan ertinya begitu, tetapi kalau kita baca dari atas ada lain iaitu:beberapa orang daripada Bani Hasyim masuk berjumpa Asma’ binti ‘Amis isteri Abu Bakar. Abu Bakar balik ke rumah dan melihat mereka itu. Kerana tak senang melihat itu Abu Bakar mengadu kepada Nabi sambil berkata: “Tetapi saya tidak lihat (dalam pertemuan itu melainkan kebaikan). Kemudian dari itu Nabi naik minbar dan berkata: “Dari hari ini janganlah seorang masuk bertemu seorang perempuan yang suaminya tidak hadir melainkan bersertanya hendaklah ada seorang atau dua orang lelaki.”

“Seorang atau dua orang” yang dimaksudkan oleh nabi itu bukan sebarang orang kerana beberapa orang yang masuk berjumpa Asma’ tadi memang sudah lebih dari dua orang. Sekiranya perbuatan ini tidak salah tidak perlu Nabi naik minbar dan menegur atau mengingatkan. Oleh itu nyatalah bahaw seorang atau dua orang yang tersebut pada hadith adalah mahram si perempuan.

Pertanyaan yang kesebelas: ada orang berkata-pada zaman Nabi perempuan-perempuan bersembahyang berjemaah bersama lelaki dan sembahyang hari raya. “Ini menunjukkan perempuan

boleh berkumpul dan bermesyuarat umpama di dewan.

Jawab: Pada zaman Nabi (SAW) pintu bagi perempuan keluar masuk masjid dipisah saf perempuan di belakang lelaki, perempuan keluar lebih dahulu daripada lelaki di dalam perjalanan perempuan mesti mengambil di sebelah tepi perempuan tidak menjadi imam, tidak jadi muazzin, tidak jadi muqayyam (yang mengucapkan iqamah)”

Dalam sembahyang hari raya tempat perempuan diasingkan dari tempat lelaki tidak bercampur gaul dari semuanya ini terlihat bahawa antara lelaki dan perempuan mesti diadakan batas yang renggang bukan duduk berdampingan dan berunding di dalam, satu majlis.

Pertanyaan yang kedua belas: Ada orang berkata – “pada zaman Nabi perempuan-perempuan ikut pergi perang. Di sana mereka bekerja memberi minum air, mengubat dan menjaga orang sakit.” Ini menunjukkan perempuan boleh bercampur dengan lelaki dan boleh duduk di dewan-dewan.

Jawab: Memberi minum bagi tentera, mengubat dan menjaga askar yang sakit itu tidak sama duduk di dewan-dewan berunding dengan lelaki. Kalau kita melihat ayat yang mengharamkan pandang memandang, tentu hal mengubat dan menjaga orang sakit itu juga haram, tetapi kerana perkara itu berlaku di hadapan Nabi maka boleh dijadikan pengecualian. Adapun berunding dengan perempuan di suatu dewan atau yang serupa itu tidak diriwayatkan oleh Nabi. Jadinya masuk perkara yang belum dikecualikan.

Pertanyaan yang ketiga belas: ada orang membawa alasan ulama berkata – “tidak haram perempuan melihat lelaki kalau tidak membawa fitnah”. Jadi duduknya perempuan-perempuan tidak membawa fitnah kerana yang duduk bukan orang sebarang.

Jawab: sebagaimana ada ulama berkata begitu, ada pula ulama yang berkata “haram semata-mata”; dan ada pula

yang berkata: "haram dengan syahwat" ijihad ulama tidak boleh dijadikan alasan. Ayat-ayat yang terang dan hadith yang tegas itu tak dapat diputar dengan ijihad ulama.

Pertanyaan yang keempat belas: Ada lagi alasan iaitu pada kitab-kitab fikah dengan nyata diterangkan bahawa harus berlihat-lihat antara lelaki dengan perempuan kerana suatu hajat umpamanya jual beli, jadi saksi, atau memberi pelajaran maka termasuk juga di dalamnya hajat hendak bermesyuarat dan bertukar-tuka fikiran tentang urusan pergaulan dan sebagainya.

Jawab: Tegahan Quran tentang lelaki melihat perempuan dan perempuan melihat lelaki sudah nyata dan tidak sedikit hadith-hadith yang menunjukkan kita memalingkan pandangan dengan segera apabila terlihat dengan tidak sengaja nas-nas yang begitu terang tidak boleh dikecualikan daripadanya melainkan dengan alasan yang terang pula. Tidak cukup dengan fatwa ulama dan keputusan kitab-kitab fikah.

Pertanyaan yang kelima belas: Pada zaman Nabi (SAW) perempuan ada menuntut lelaki bermain pedang di masjid Madinah maka mengapakah tidak boleh perempuan berkhutbah dan duduk di dewan-dewan?

Jawabnya: Perempuan melihat lelaki bermain pedang dan sebagainya itu memang asalnya tidak boleh tetapi kerana kejadian itu di hadapan Nabi maka boleh kita jadikan pengecualian dari ayat-ayat dan hadith-hadith yang mengharamkan pandang memandang

Pertanyaan yang keenam belas; pada zaman Nabi ada perempuan-perempuan hadir di majlis Nabi dan membuat pertanyaan. Mengapakah tidak boleh lelaki hadir di majlis perempuan berkhutbah?

Jawab: Hadith tentang hadirnya perempuan di majlis lelaki itu kalau sedang terang caranya dan tempatnya dapat kita jadikan pengecualian dari tegahan-tegahan itu. Tetapi tentang lelaki hadir di hadapan perempuan berkhutbah itu tidak terlihat alasan membolhkananya.

Pertanyaan yang ketujuh belas: Bagaimana perempuan berkhutbah di hadapan perempuan tetapi didengar oleh lelaki dari tempat lelaki tak dapat melihat perempuan itu?

Jawab: Yang demikian itu tidak ditegah kerana tidak ada apa pelanggarannya hanya ada terdengar suara perempuan itu tidak ditegah.

Pertanyaan yang kedelapan belas: Apa hukum perempuan bermain sandiwara bercampur lelaki yang bukan mahramnya serta ditonton oleh lelaki yang juga bukan mahramnya?

Jawab: Percampuran perempuan dengan lelaki yang bukan mahramnya di suatu tempat yang tak dapat ada mesti berlihat-lihatan di antara keduanya seperti di sandiwara itu hukumnya haram kerana ayat 31 surah An-Nur mewajibkan mesti kita menundukkan pemandangan, dan kerana hadith-hadith melarang melihat maka tidak ada satu jalan yang melepaskan daripada yang demikian terutamanya pula keadaan sandiwara yang terbuka itu memang sangat digemari.

Ada pun menonton perempuan yang bermain sandiwara itu tidak mustahak diterangkan hukum haramnya kerana apabila perempuan berkhutbah di hadapan lelaki sudah haram maka sudah tentu bermain sandiwara itu lebih-lebih lagi haramnya.

Harapan

Saya harap tuan-tuan pembaca yang sempat suka mengirimkan bantuan, penerangan atau bantahan di dalam masalah ini. Supaya jadi cermin buat saya mengambil ketetapan yang tentu yang mana jika perlu saya akan menyiarkan dalam sebuah risalah yang lain.

Hassan Bin Ahmad

[Sekianlah salinan risalah perempuan Islam di dewan dan di pentas itu mudah mudahan mendapat perhatian dan ada manfaatnya kepada umum-p.]

Khalidh: Pada makalah ini bilangan yang lalu ada tersebut "tashfik" yang betulnya "tasfik".